

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ
KAWASAN : PASIR MAS

SOALAN:

YB. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ (PASIR MAS) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah di dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas di Bandar Pasir Mas terutama di Bulatan Lemal.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan menaik taraf Bulatan Lemal di Pasir Mas, Kelantan adalah merupakan sebahagian daripada skop pembinaan fasa kedua Projek Membina Jalan Pintas Pasir Mas, Kelantan.

Fasa pertama projek berkenaan berkenaan melibatkan skop membina jalan baru 2 lorong 2 hala dengan reka bentuk piawaian JKR R5 dari Kg. Kubang Bongor ke Kg. Kubang Bemban sepanjang 5km. Projek ini telah disiapkan pada akhir tahun 2012 yang lalu dengan kos projek sebanyak RM27.5 juta.

Manakala fasa kedua pula melibatkan sambungan skop projek untuk fasa pertama, iaitu cadangan pembinaan jalan baru sepanjang 5km dari Kg. Kubang Bemban ke Kg. Kubang Pak Amin, termasuk menaik taraf dan membina jejambat di Bulatan Lemal serta membina jambatan baharu bersebelahan Jambatan Salor yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek fasa kedua ini telah diluluskan dalam Rolling Plan ke-4, RMKe-10 iaitu melibatkan skop menaik taraf dan membina jejambat di Bulatan Lemal dan Jambatan Salor sahaja. Pada masa kini proses penilaian tender untuk memilih kontraktor yang layak sedang dilaksanakan. Berdasarkan perancangan, pembinaan fasa kedua ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2015.

Sekian, terima kasih.